

19/10/1999

Peluang besar dalam dua sektor

Saidon Idris; Kadir Dikoh

PELUANG terbuka luas bagi usahawan tempatan membabitkan diri di dalam industri kecil dan sederhana (SMI), terutamanya dalam pembuatan komponen elektronik dan automotif.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata ia berdasarkan kepada peningkatan berterusan import kedua-dua komponen itu.

Katanya, tahun lalu industri elektronik tempatan mengimport komponen bernilai RM74.71 bilion.

Bagi tempoh lapan bulan tahun ini pula, import komponen itu sudahpun mencecah RM53.46 bilion.

Beliau berkata, bagi komponen automotif pula, nilai import tahun lalu ialah RM2.01 bilion dan ia terus menunjukkan arah aliran meningkat, yang mana dalam tempoh lapan bulan tahun ini sahaja ia sudah mencecah RM1.66 bilion.

"Tentunya, arah aliran meningkat import kedua-dua komponen itu menggambarkan potensi besar bagi penggantian import. Ini menyediakan peluang pelaburan bagi usahawan membabitkan diri dalam pembuatannya," kata Rafidah ketika berucap pada perasmian Pameran IKS Tahunan '99 di Seri Kembangan semalam.

Perasmiannya dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah berkata, peningkatan dalam keupayaan dan kapasiti syarikat tempatan termasuk IKS sudah membolehkan Malaysia turut menjadi pengeksport bagi kedua-dua komponen elektronik dan automotif.

Malah, katanya, sejak 1996, eksport syarikat tempatan dalam bidang itu terus mencatatkan peningkatan.

Beliau berkata, pada 1996, eksport komponen elektronik ialah sejumlah RM40.12 bilion.

Jumlah itu meningkat kepada RM65.157 bilion tahun lalu manakala bagi tempoh lapan bulan tahun ini pula, eksport komponen berkenaan sudah mencecah RM49.29 bilion.

Rafidah berkata, bagi eksport komponen automotif pula, nilai eksport tahun lalu berjumlah RM1.36 bilion manakala bagi tempoh lapan bulan tahun ini pula ia sudah mencecah RM963 bilion.

Mengenai pameran IKS itu pula, Rafidah berkata, ia disertai oleh sejumlah 279 syarikat yang terbabit dalam empat bidang utama iaitu elektrik dan elektronik, kelengkapan pengangkutan, kejuruteraan dan mesin serta sektor berasaskan sumber.

(END)